

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Modal Kerja-*i* (MK-*i*)

Tarikh: _____
[Diisi oleh Pegawai Jualan]

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran bagi Modal Kerja-*i*.

Sila dapatkan penjelasan daripada Pegawai Jualan jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.

1. Apakah produk ini?

Working Capital Financing-*i* adalah produk kemudahan pembiayaan (Kemudahan) kredit pusingan jangka pendek yang ditawarkan kepada pelanggan untuk tujuan membiayai keperluan modal kerja mereka. Terdapat tiga (3) jenis Kemudahan yang ditawarkan di bawah Modal Kerja-*i* iaitu:

- Pembiayaan Belian
- Pembiayaan Jualan
- Pembiayaan Tunai

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Tawarruq

Konsep *Shariah* yang digunapakai untuk produk di atas ialah *Tawarruq*. *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada penambahan harga jualan (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.

Wakalah

Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep *Wakalah*. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.

"Komoditi" dalam konteks transaksi *Tawarruq* adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh *Syariah* yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastic resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.

3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Jumlah Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Had Minimum:</u> RM50,000.00 ▪ <u>Had Maksimum:</u> <ul style="list-style-type: none"> - Pemilikan Tunggal & Perkongsian: RM500,000.00 - Syarikat Sdn Bhd & Berhad: Tiada had maksimum
Tempoh Kemudahan (bagi setiap Pembiayaan – Belian/Jualan/Tunai)	Tempoh Minimum: 14 hari Tempoh Maksimum: 365 hari <u>Note:</u> <ul style="list-style-type: none"> - <u>Bagi Pembiayaan Belian/Tunai:</u> Tempoh Kemudahan adalah dikira bermula dari tarikh pengeluaran Kemudahan.

	- <u>Bagi Pembiayaan Jualan:</u> Pengiraan tempoh Kemudahan hendaklah mengambil kira jangka masa dari tarikh dokumen (contoh: invois) sehingga tarikh pengeluaran Kemudahan.
Kadar Keuntungan Efektif (KKE)	Sehingga KABP + 4% setahun atas baki harian <u>Nota:</u> Kadar keuntungan adalah mengikut kadar keuntungan terapung pada peringkat kemudahan dan tidak akan berubah sepanjang tempoh Kemudahan.
Kadar Keuntungan Siling (KKS)	KABP + 4% setahun ATAU 10% setahun; yang mana lebih tinggi

Nota:

- Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) adalah tertakluk kepada perubahan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. KABP semasa Bank ialah
- Kemudahan boleh digunakan pada bila-bila masa mengikut keperluan perniagaan selagi jumlah penggunaan tidak melebihi had Kemudahan.
- KKS adalah kadar maksimum yang boleh dikenakan untuk produk ini.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Membuat pembayaran berdasarkan Harga Jualan (Jumlah Kemudahan ditambah keuntungan) bagi setiap Kemudahan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Bayaran Duti Setem	Sepertimana yang terkandung dalam Akta Setem 1949
Caj Guaman & Pengeluaran	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufliis, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan)
Sumbangan Takaful	Berdasarkan jumlah perlindungan yg diambil dan kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)
Fi Pembrokeran	RM7.00 bagi setiap RM1,000,000.00 jumlah pembelian komoditi.

Nota:

- Apa-apa perubahan pada fi dan caj yang berkaitan akan di buat secara bertulis oleh Bank.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa cukai lain seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada Pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak Bank akibat Pelanggan lewat/gagal membayar Bayaran Ansuran atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak Bank. Jumlah ganti rugi (*Ta'widh*) tidak boleh dikompoun dan dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sepertimana berikut: -

 i. Sebelum Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas ansuran yang tertunggak pada kadar sehingga 1% setahun yang akan dikira secara harian.

$$Ta'widh = \text{Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

ii. Selepas Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) yang berlaku sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM.

$$Ta'widh = \text{Baki Tertunggak} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya Pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.
- Bank berhak untuk membuat semakan atau menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran sepertimana dipersetujui dalam terma dan syarat Kemudahan.

7. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian awal?

- Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada pelanggan, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut:
 - i. Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal;
 - ii. Penyelesaian Kemudahan disebabkan pelaksanaan penstrukturan;
 - iii. Penyelesaian awal oleh Pelanggan bagi kes kemungkiran di mana walaupun pelanggan mungkir, Pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan Kemudahan sebelum tarikh matang;
 - iv. Penyelesaian oleh Pelanggan bagi kes penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh matang.
- *Ibra'* dan nilai/jumlah penyelesaian akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$Ibra' = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{Caj Penyelesaian Awal}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran Tertanggung} + \text{Caj Bayaran Lewat (jika ada)} - Ibra'$$

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

- Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah Kemudahan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah Kemudahan.
- Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki Kemudahan semasa anda sepanjang tempoh Kemudahan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Bagi menjaga kepentingan Bank dan Pelanggan pelantikan panel Takaful Bank adalah amat digalakkan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih mana-mana penyedia Takaful bukan panel tertakluk kepada kelulusan Bank.

9. Apakah risiko utamanya?

- Kadar keuntungan adalah berdasarkan kepada kadar Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) Bank yang boleh berubah dari semasa ke semasa.

10. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Ya, jaminan dan cagaran yang diberikan mestilah mencukupi dan tertakluk kepada polisi semasa Bank.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat	: Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 1-300-88-2476
Faks	: 603-2691-7790
Emel	: customer@agrobank.com.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

Jika anda mempunyai sebarang masalah untuk menjelaskan pembayaran anda, hubungi Bank terlebih dahulu untuk alternatif pembayaran. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat	: Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 1-300-88-2476
Faks	: 603-2691-7790
Emel	: customer@agrobank.com.my

Jika anda ingin mendapatkan butiran lanjut atau membuat aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat	: Agrobank, Client Relationship Management, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 1-300-88-2476
Faks	: 603-2691-7790
Emel	: customer@agrobank.com.my

Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda juga digalakkan untuk menghadiri "Program Pengurusan Wang Ringgit Anda" atau "POWER!" yang dianjurkan oleh AKPK. Sila hubungi AKPK di:

Alamat	: Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
No. Tel.	: 03-2616-7766
Emel	: enquiry@akpk.org.my

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat	: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Faks	: 1-300-88-5465
No. Tel.	: 603-2174-1515
Emel	: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Kemudahan lain yang relevan/sesuai

- Agro Cash Line-i
- Term Financing-i

Maklumat Tambahan

- Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah bermula dari: _____
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon Kemudahan.

NOTA PENTING

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI WORKING CAPITAL FINANCING-*i* ANDA.

Penafian

- Segala terma dan syarat dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif/petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Prinsipal ('Perjanjian Kemudahan') selepas penilaian kredit dan kelulusan Kemudahan dilaksanakan.
- Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi PDPA 2010 ('PDPA'). Sila rujuk Polisi PDPA kami yang boleh didapati di laman sesawang www.agrobank.com.my atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.